

07 SEP 1997

Umno-Usul (Ekonomi)

KEJATUHAN MATA WANG SECEBIS CABARAN MENGHADAPI WAWASAN 2020

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Krisis mata wang Ringgit dan kemerosoton pasaran saham negara merupakan secebis cabaran yang perlu dihadapi rakyat Malaysia dalam menghadapi matlamat Wawasan 2020.

Wakil Sabah, Ali Asgar Haji Basri, berkata banyak lagi cabaran-cabaran lain menjelang tempoh itu yang memerlukan rakyat bersedia menghadapinya.

"Malaysia yang dianugerahkan dengan pelbagai faktor ekonomi yang baik dibantu pula dengan keadaan politik stabil, menjadi paksi kukuh untuk perkembangan ekonomi negara yang lebih rancak pada masa depan," katanya ketika menyokong usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Usul itu, yang dibentangkan wakil Pahang Datuk Dr Jamaluddin Jarjis semalam, mahukan kerajaan mengambil pendekatan lebih kreatif dan proaktif dalam menghadapi cabaran ekonomi yang kian liberal dan global bagi memastikan Bumiputera tidak terpinggir.

Ali Asgar berkata rakyat tidak perlu terlalu khuathir dengan perkembangan sekarang kerana kerajaan telah mengambil langkah jangka pendek dan panjang untuk mengatasinya.

"Apa yang penting ialah sokongan padu semua rakyat terhadap pucuk pimpinan dalam menangani masalah ini," katanya.

Ali Asgar berkata negara-negara barat cemburu dengan kestabilan ekonomi Malaysia dan bimbang ia menjadi negara maju beracuan sendiri pada 2020 yang akan menjadi contoh kepada negara-negara di rantau ini.

Beliau juga mencadangkan supaya semua pelaburan Malaysia di Vietnam dan Afrika Selatan di bawa balik ke dalam negara sementara kedudukan ekonomi negara kembali pulih.

Wakil Pergerakan Pemuda, Abdul Azim Mohamad Zabidi, ketika membahaskan usul itu pula meminta kerajaan mengutamakan syarikat-syarikat Melayu dalam industri hiliran Koridor Raya Multimedia (MSC) supaya mereka tidak ketinggalan dalam menikmati faedah daripada pelaburan asing di kawasan itu.

Beliau berkata kerajaan juga perlu meneliti semula pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan usaha meningkatkan ekonomi bumiputera kerana peluang-peluang ekonomi masih tidak diagihkan sama rata.

Dalam pelaksanaan projek-projek penswastaan, ada amalan memberi projek berdasarkan siapa yang dikenali dan bukannya berdasarkan apa yang mereka tahu, katanya.

Abdul Azim juga mahu Permodalan Usahawan Nasional Bumiputera (PUNB) mengambil kira soal pengalaman, minat dan semangat dalam pertimbangan meluluskan pinjaman modal teroka kepada usahawan Melayu.

Wakil Perlis, Hashim Ahmad, pula mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan lebih banyak Pusat Giat Mara di peringkat daerah bagi melatih dan melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir.

Pusat itu penting kerana pada masa ini ramai pelajar Melayu yang tercicir daripada sekolah tidak dapat mengembangkan kemahiran mereka dengan sistem pendidikan yang ada, katanya.

Beliau juga mahukan kerajaan memastikan pembangunan di negeri Perlis seimbang dengan negeri-negeri lain dalam menghadapi persaingan dengan negara jiran.

Saifuddin Nasution Haji Ismail, wakil Kedah, menyarankan supaya setiap pemimpin negara menggembleng tenaga membantu Dr Mahathir mengatur strategi bagi menentang sebarang serangan ekonomi terhadap negara ini di masa depan.

Beliau berkata satu mekanisme perlu diwujudkan sebagai "radar" mengesan

kemungkinan serangan lain dari luar khususnya kuasa-kuasa besar terhadap ekonomi dan Ringgit negara.

"Ini perlu sebagai langkah melindungi pelaburan dan kepentingan Malaysia di luar negara dan kemungkinan tindak balas negara berkenaan seperti menaikkan yuran pendidikan bagi pelajar-pelajar kita di seberang laut," katanya.

Wakil Kelantan, Kamaruddin Mohd Nor, mencadangkan kerajaan menggalakkan penubuhan lebih banyak syarikat modal teroka untuk menampung keperluan modal usahawan baru Bumiputera termasuk menyalurkan modal pelabur asing bagi mengadakan usahasama membawa masuk modal ke Malaysia.

"Sebagai perbandingan jumlah modal teroka di Malaysia sekarang ialah RM951 juta berbanding Singapura RM9,000 juta," katanya dan menambah usahawan baru Bumiputera, yang merupakan bekas pekerja makan gaji, memang tidak mampu dari segi modal walaupun mempunyai kemahiran dan teknologi.

Kelantan juga mencadangkan penubuhan sebuah badan amanah Permodalan Hartanah Nasional ala Permodalan Nasional Berhad untuk mengumpulkan tanah milik Bumiputera yang berpotensi dimajukan terutama di Lembah Klang bagi mejamin kuasa beli dan kuasa pegang Bumiputera tidak hilang.

Beliau berkata perbadanan itu boleh mewujudkan skim amanah dengan unit-unit saham dijual kepada Bumiputera dan dalam masa 20 atau 30 tahun kemudian, Bumiputera yang mampu boleh memohon untuk membeli dan memajukan tanah itu.

Kamaruddin, yang baru-baru ini memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Semerak, berkata kerajaan juga perlu memperluaskan skim vendor yang sedang dijalankan dan mewujudkan jaringan usahawan Bumiputera dengan pusat penyelidikan dan institusi pengajian tinggi.

Beliau juga mencadangkan penswastaaan dan "management buy out" digunakan untuk meningkatkan golongan menengah Melayu termasuk ke atas 439 syarikat milik perbadanan kerajaan negeri dan 302 syarikat kerajaan pusat yang boleh diwastakan.

Wakil Negeri Sembilan Firdaus Harun berkata kini hanya enam peratus rumah kedai di Lembah Kelang dimiliki Bumiputera.

Beliau meminta UDA Holdings Sdn Bhd diberi peruntukan RM500 juta hingga RM1 bilion untuk membeli lot-lot yang tidak dapat dibeli oleh Bumiputera dan menyewakan kepada Bumiputera sehingga mereka mampu.

Katanya jika adapun Bumiputera yang berniaga di kompleks-kompleks membeli belah, hanya mampu berniaga ringan-ringan seperti songkok.

Beliau juga mencadangkan supaya diwujudkan pusat pembangunan usahawan di setiap negeri dan daerah bagi mempercepatkan penglibatan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perniagaan.

Katanya sungguhpun pemilikan saham dan ekuiti Bumiputera dalam syarikat-syarikat agak menggalakkan, tetapi ia merupakan pemilikan oleh syarikat atau badan amanah, tetapi dari segi pemilikan individu masih kecil.

Beliau berkata sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, tahap kemiskinan rakyat pada tahun itu iaitu kira-kira 50 peratus telah berkurangan kepada 17 peratus pada 1990 dan lima peratus pada 1996.

Wakil Terengganu, Idris Mamat, pula menggesa kerajaan membina sebuah lapangan terbang antarabangsa bagi wilayah timur Semenanjung bagi mengukuhkan sektor ekonomi luar bandar.

Beliau juga mencadangkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi dibina bagi melahirkan ramai Bumiputera dalam sains dan teknologi di samping memastikan semua agensi pusat dan negeri mematuhi semangat DEB dalam pengambilan jawatan dan pemberian kontrak perkhidmatan.

Wakil Johor, Haji Ismail Kamari, berkata Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial yang membanggakan hasil kestabilan politik dan iltizam kepimpinan selepas 40 tahun merdeka.

Tetapi, jurang pendapatan antara kaum semakin lebar "dengan kita tidaklah miskin tetapi orang lain menjadi lebih kaya", katanya merujuk kepada kadar pertumbuhan dan pencapaian kelas menengah Melayu belum memuaskan berbanding kaum lain.

Beliau berkata orang Melayu tidak mahu menyekat pihak lain sama-sama menikmati kemakmuran negara secara adil tetapi mahu memastikan orang Melayu tidak tercicir jauh dalam mengejar perubahan kemakmuran dan mampu bersaing dalam ekonomi yang diliberalisasikan.

Menurutnya kajian perlu dijalankan mengenai sejauh mana dasar penswastan dapat membantu keseimbangan pengagihan pendapatan dan pembentukan kelas menengah Melayu.

Wakil Pulau Pinang, Dr Nungsari Haji Ahmad Radzi mahukan takrif pembangunan ekonomi dilihat dengan lebih luas dan tidak hanya diukur berdasarkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ia harus mengambilkira kenyataan dalam masyarakat kerana pada masa ini masih banyak orang Melayu yang ketinggalan.

"Hati ini kadang-kadang terkilan apabila kita melihat ramai lagi orang Melayu yang susah, kadang-kadang terguris juga perasaan apabila kita lihat nelayan, anak-anak nelayan di kampung yang tidak dibekalkan dengan ilmu dan kemudahan yang cukup," katanya.

Masih ada orang Melayu yang bekerja sebagai buruh kasar di hotel dan pusat-pusat pelancongan di negara ini sementara para pengunjungnya terdiri daripada bangsa asing dan ada orang Melayu yang bekerja dari pagi hingga malam tetapi masih belum berkemampuan membeli rumah, katanya lagi.

Dalam usaha mewujudkan golongan menengah Melayu, Dr Nungsari mencadangkan tumpuan diberi kepada golongan profesional, pengurus dan mereka yang berkelulusan tinggi.

"Sebenarnya usaha membentuk Bumiputera kelas menengah melalui pendidikan adalah lebih berkesan daripada menjuruskan usaha ini kepada mewujudkan usahawan," katanya.

Wakil Melaka Mustazah Osman berkata para usahawan dan tokoh korporat yang berjaya hasil perjuangan Umno diminta menyumbangkan lima peratus daripada pendapatan mereka untuk mewujudkan satu dana melatih dan membantu usahawan Bumiputera baru.

Ini selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan kumpulan usahawan menengah Melayu.

Katanya buat masa ini sumbangan bank dan institusi kewangan ke arah itu terlalu terikat kerana ia memikirkan soal risiko dan keselamatan.

Beliau juga mencadangkan bonus tahunan yang diberikan kepada kakitangan swasta dan kerajaan dibuat dalam bentuk saham dan dengan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan rakyat menabung serta mengawal inflasi.

Usul itu kemudian diluluskan. -- BERNAMA

HT RON